



Peraduan Beli & Menang

Terma dan Syarat

Penganjur	Campbell Soup Southeast Asia Sdn. Bhd. 199501010666 (339867-V)
Peraduan	Peraduan Kimball Beli & Menang
Tempoh Peraduan	Peraduan ini bermula jam 00:00:00 pada 01 September 2025 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31 Oktober 2025.
Kelayakan	Peraduan ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia dan Warganegara Malaysia yang berusia lapan belas [18] tahun dan ke atas pada 01 September 2025.
Kaedah Penyertaan	<p>Penyertaan Melalui Aplikasi WhatsApp</p> <p>a. Langkah 1 : Beli mana-mana Produk Kimball bernilai RM15.00 di dalam satu (1) resit ("Bukti Pembelian") yang dikeluarkan oleh mana-mana kedai (luar talian atau platform dalam talian) semasa Tempoh Peraduan.</p> <p>Langkah 2 : Gambar Bukti Pembelian/resit yang jelas.</p> <p>Langkah 3 : Peserta dikehendaki mengimbas kod QR yang terdapat pada bahan komunikasi di Pasar Raya, Pasar Raya Besar, Pasar Mini dan lain-lain yang mengambil bahagian, yang mengandungi bahan komunikasi peraduan ("POSM"). Mengimbas kod QR tersebut akan membawa peserta ke laman web rasmi peraduan (https://kimball-beli-dan-menang.mypromotions.my/).</p> <p>I. Gambar resit/bukti pembelian yang jelas II. Nama penuh seperti MyKad III. Nombor MyKad/ MyPR IV. Jawapan yang betul</p> <p>Soalan Peraduan : Adakah Kimball menjual sos pasta? (Betul/Salah)</p> <p>(e.g., Gambar resit, 881108-10-5677, Daniel Bin Awang, Betul/Salah) ("Penyertaan Layak")</p> <p>1. Nombor bersiri akan diberikan kepada setiap Penyertaan sah yang memenuhi syarat pembelian, maklumat peribadi, jawapan betul yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Promosi. Nombor bersiri ini akan diberikan</p>

	<p>untuk proses pemilihan pemenang secara backend untuk tujuan pemilihan pemenang ("Penyertaan Layak"). Untuk setiap pembelian nilai minimum Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) yang dibeli dalam satu Bukti Pembelian daripada mana-mana kedai atau platform dalam talian yang mengambil bahagian, satu (01) nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan. Sebagai contoh ;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian RM30 bagi produk Kimball, dua (2) nombor bersiri akan diperuntukkan. ii) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian RM50 bagi produk kimball, tiga (3) nombor bersiri akan diperuntukkan. <p>2. Setiap satu Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Pengajur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan dengan Bukti Pembelian duplikasi.</p> <p>3. Simpan Resit atau Bukti Pembelian asal untuk tujuan pengesahan.</p> <p>4. Gabungan resit atau bukti pembelian duplikasi tidak dibenarkan dan akan dianggap tidak sah.</p> <p>5. Nombor WhatsApp yang digunakan untuk penyerahan Peraduan akan dianggap sebagai nombor hubungan yang sah sepanjang Tempoh Peraduan dan jika peserta tersebut telah disahkan sebagai Peraduan yang berjaya mengikut cara yang disediakan di sini, hendaklah termasuk untuk tujuan tuntutan/penghantaran Hadiah ("Nombor Penyerahan WhatsApp")</p> <p>6. Pihak Pengajur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa juga bentuk. Resit bertulisan tangan, Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p>7. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Pengajur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p>
Tarikh Akhir Penyertaan	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Pengajur pada atau sebelum 23:59:59 pada 31 Oktober 2025.
Perincian Pengadilan	<p>Pengesahan Penyertaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gambar Bukti Pembelian yang jelas menunjukkan Produk, nombor resit, tarikh pembelian, nilai pembelian dan nama cawangan atau kedai. • Semua butiran yang diperlukan dan keperluan pembelian dipenuhi. • Kesahihan tarikh pembelian. • Tiada perubahan Bukti Pembelian di dalam apa-apa juga bentuk. • Tiada duplikasi Bukti Pembelian • Jawapan yang betul

	<ul style="list-style-type: none"> • Resit/dokumen yang hilang kelayakan sebagai bukti pembelian termasuk: <ol style="list-style-type: none"> I. Slip Kad Kredit II. Resit bertulisan tangan III. Bayaran Balik/Pemulangan Slip Pembelian IV. Nota penghantaran V. Resit Tidak Dicetak daripada Daftar Tunai (sistem POS)
Hadiah	<p>Hadiah Pertama 1 x Wang Tunai bernilai RM5,000 (Sebanyak 1 Pemenang Wang Tunai)</p> <p>Hadiah Kedua 3 x Wang Tunai bernilai RM2,000 (Sebanyak 3 Pemenang Wang Tunai)</p> <p>Hadiah Ketiga 50 x Wang Tunai bernilai RM500 (Sebanyak 50 Pemenang Wang Tunai)</p> <p>Hadiah Saguhati 70 x Wang Tunai bernilai RM200 (Sebanyak 70 Pemenang Wang Tunai)</p> <p>Setiap peserta, hanya boleh memenangi satu (01) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan ;</p> <ul style="list-style-type: none"> • satu (01) Hadiah Pertama, <i>atau</i> • satu (01) Hadiah Kedua, <i>atau</i> • satu (01) Hadiah Ketiga, <i>atau</i> • satu (01) Hadiah Saguhati.
Pemilihan Pemenang	<p>KAEDAH PEMILIHAN PEMENANG: Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan membuat pengiraan dan pengesahan terhadap Penyertaan yang diterima. Penyertaan yang telah disahkan dan diluluskan sebagai penyertaan yang berjaya oleh Penganjur (“Penyertaan Layak”) akan diberikan satu set nombor siri.</p> <p>Hadiah Pertama : 1 x Wang Tunai bernilai RM5,000</p> <p>Terdapat satu [1] x Wang Tunai bernilai RM5,000 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Pertama, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan [masing-</p>

masing "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"] . Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan bermula dari nombor bersiri "1".

Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Dengan mengandaikan jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah **8,000** , Pengajur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut :

$$8,000 \div 2 = \underline{\text{4,000}*}$$

Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Pertama adalah penyertaan nombor bersiri **ke-4000***.

Seramai **1 PEMENANG** akan dipilih akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Hadiah Kedua : 3 x Wang Tunai bernilai RM2,000.

Terdapat tiga [3] x Wang Tunai bernilai RM2,000 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Kedua, Pengajur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Pengajur untuk menjadi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"] dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah **8,000** , Pengajur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

Dengan mengandai penyertaan pemenang Hadiah Pertama = *50 penyertaan;

$$8,000 - *50 = 7950 \div 3 = \underline{\text{2650}*}$$

Pemenang Hadiah Kedua yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-2650* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 1,2 dan 3.

Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 2650*, 5300* dan 7950*.

Seramai **3 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Hadiah Ketiga : 50 x Wang Tunai bernilai RM500.

Terdapat lima puluh [50] x Wang Tunai bernilai RM500 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Ketiga, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"] dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua. Dengan mengandaikan jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah **8,000**, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut :

Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua = 100* penyertaan

$$8,000 - *100 = 7900 \div 50 = \mathbf{158*}$$

Pemenang Hadiah Ketiga yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-158* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 1,2,3 dan seterusnya sehingga 50.

Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 158*, 316*, 474*, 632*, 790*, 948*, 1106*, 1264*, 1422*, 1580*, 1738* dan seterusnya sehingga 7900.

Seramai **50 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Hadiah Segauhati: 70 x Wang Tunai bernilai RM200

Terdapat Tujuh puluh [70] x Wang Tunai bernilai RM200 untuk dimenangi Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Segauhati, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing "Penyertaan Layak " dan secara kolektif "Penyertaan Layak "] . Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasi dan ditambah untuk memperoleh jumlah keseluruhan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak "] dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan adalah **8,000** Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

Dengan mengandai penyertaan Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga penyertaan = 150^*

$$8,000 - *150 = 7800 \div 70 = \underline{\underline{52^*}}$$

Pemenang Hadiah Saguhati yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-52* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 1,20,40 dan seterusnya sehingga 70.

Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 52*, 104*, 156*, 208*, 260*, 312*, 364*, 416*, 468*, 520*, 572*, 624*, 676*, 728*, 780*, 832*, 884*, 936*, 988* dan seterusnya sehingga 7800.

Seramai **70 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

Pengumuman Pemenang

Senarai para pemenang juga akan diumumkan di laman social Penganjur di <https://www.facebook.com/KimballMalaysia>

Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah akan diproses untuk penghantaran kepada para pemenang oleh Penganjur dalam tempoh masa 6 hingga 8 minggu selepas tamatnya Tempoh Peraduan pada 31 Oktober 2025. Pihak Penganjur berhak melanjutkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausu ini atas sebab-sebab di luar kawalan pihak Penganjur. 2. Semua pemenang yang terpilih akan dimaklumkan melalui WhatsApp daripada nombor peraduan 012-8255620 atau 011-5688 1612 ke nombor telefon yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak untuk meminta maklumat akaun bank sebagai sebahagian daripada proses penebusan Hadiah;; <ol style="list-style-type: none"> I. Nama bank di mana Pemenang mempunyai akaun bank aktif yang dikekalkan (“Akaun Bank Aktif”); II. Nombor akaun Akaun Bank Aktif; dan III. Nama penuh Pemenang seperti yang tertera dalam rekod Akaun Bank Aktif tersebut (Akaun bank bersama tidak dibenarkan) 3. Penganjur berhak untuk melanjutkan garis masa yang dinyatakan di bawah klausu ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. 4. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. 5. Hadiah Wang Tunai akan dikreditkan ke nombor akaun bank pemenang yang diberikan oleh pemenang kepada Penganjur melalui pemindahan dalam talian. Semua Pemenang WAJIB memberikan nombor akaun bank aktif peribadi mereka sendiri apabila diminta. Penganjur berhak untuk kehilangan hadiah wang tunai jika butiran akaun bank yang diberikan BUKAN atas nama Pemenang dan/atau Pemenang gagal memberikan butiran akaun bank tempatan mereka atas permintaan. 6. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur. 7. Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. 8. Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah. 9. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur mengecualikan semua waranti dan liabiliti berkaitan dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
---	--

	<p>10. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah yang mana lebih awal .</p> <p>11. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut</p> <p>12. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.</p>
--	--

Jadual Syarat Kemasukan mesti dibaca bersama dengan **Syarat Kemasukan**, yang diambil kira secara kolektif sebagai “Terma dan Syarat”, dan akan mengikat semua peserta (ibu bapa/penjaga sah peserta, sekiranya peserta bawah umur) yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini (selanjutnya dirujuk sebagai “Peserta, ”Anda”, “anda”).

Syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat Penyertaan harus dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Setakat terdapat ketidakkonsistenan antara Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual untuk Syarat Penyertaan akan digunakan. Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan akan secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap istilah dihuruf besarkan yang tidak didefinisikan di sini akan memiliki maksud yang diberikan kepada istilah tersebut dalam Jadual Syarat Penyertaan. Istilah yang didefinisikan akan digunakan secara tunggal atau jamak mengikut kesesuaianya.

1.2 Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa notis awal, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak, mengubah Terma dan Syarat pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Peraduan, mengganti Hadiah, membatal, menghenti atau menggantung Peraduan secara menyeluruh atau sebahagian. Sekiranya terdapat perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang diubah).

1.3 Keputusan pihak Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif kepada semua Peserta, dan tiada surat-menjurat atau rayuan akan dilayan

2. Penyertaan Peraduan

2.1 Dengan menghantar Penyertaan untuk Peraduan, Peserta dianggap telah memahami dan setuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.

2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang timbul dan/atau dari penyertaan Peraduan, termasuk dan tidak terhad kepada, telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain dan perbelanjaan sendiri yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau dalam hubungan dengan peraduan akan ditanggung oleh Peserta.

2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kehilangan, kerosakan dan/atau tiada menerima penyerahan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesalahan, pengecualian, gangguan, penghapusan, kecacatan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan, akses yang tidak dibenarkan, atau perubahan, komunikasi pengguna atau anggota, atau sebarang masalah atau kerosakan teknikal rangkaian atau talian telekomunikasi kami, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain kerana masalah teknikal atau kesesakan trafik di Internet.

3. Kelayakan

3.1 Seperti umur kelayakan yang ditetapkan dalam Jadual Syarat Peraduan dan dengan menghantar maklumat peribadi yang diperlukan.

3.2 Pihak Penganjur mungkin memerlukan peserta memberi bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan termasuk dan tidak terhad kepada, dokumen pengenalan diri

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang berikut adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan pihak Penganjur dan kumpulan syarikatnya serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

5. Pembatalan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dibatalkan:

- (a) Tidak jelas, tidak lengkap, duplikasi, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

5.2 Selain itu, Pihak penganjur berhak untuk membatal kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) Menjejaskan, cuba atau telah menjejaskan operasi Peraduan dengan cara pemalsuan, penipuan atau ketidakjujuran; dan/atau

(b) Tidak layak atau tidak dapat memberi bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan untuk pengesahan oleh pihak Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya Peserta hilang kelayakan selepas Hadiah diberikan, Pihak Penganjur berhak untuk menuntut pengembalian hadiah atau pembayaran nilainya daripada peserta yang dibatalkan Kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Pihak Penganjur, ejen, penaja dan wakil tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta yang ingkar menerima Hadiah mengikut Tarikh Tuntutan/Penghantaran Hadiah dalam apa jua keadaan. Pihak Penganjur berhak menentu cara menangani hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik, diserah, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam bentuk atau cara lain selain daripada yang telah ditentukan oleh Pihak Penganjur

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan dengan Hadiah adalah tanggungjawab Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil mengikut terma dan syarat pihak Penganjur, ejen, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

6.5 Hadiah akan diberi berdasarkan “seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/ diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan pihak Penganjur akan terkecuali daripada semua jaminan dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

6.6 Di mananya Peserta berumur 18 tahun ke bawah dan diisyiharkan sebagai Pemenang, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang pemenuhan Hadiah.

7. Publisiti

Pihak penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk dan tidak terhad kepada, foto, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dihantar untuk tujuan Peraduan (secara kolektif “Bahan”, dan nama Peserta, dan/atau kesamaan, untuk iklan, publisiti, dan peraduan barang atau perkhimatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam apa-apa media. Peserta hendaklah melakukan semua yang perlu untuk membolehkan ini sekiranya diminta oleh pihak Penganjur.

8. Hak Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam mana-mana kandungan dan/atau bahan yang dihantar, dibuat atau dicipta oleh peserta berkaitan dengan peraduan dan sebarang karya yang timbul daripadanya akan diletak hak, dipegang dan dimiliki oleh Pihak Penganjur. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk mengguna and mengubahsuai bahan atau karya sedemikian dengan cara yang difikirkan sesuai tanpa pampasan kepada peserta dan peserta mengetepikan semua hak yang dimilikinya dalam bahan atau karya tersebut.

9. Pampasan

Setiap Peserta bersetuju untuk mengganti rugi, melepaskan dan tidak menyalahkan setiap Penganjur, pemegang sahamnya, anak syarikat atau syarikat berkaitan seperti yang ditentukan dalam Akta Syarikat 2016 (“**Campbell Soup Southeast Asia Sdn Bhd**”), pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil dari segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan ganti rugi (termasuk ganti rugi khas, tidak langsung dah akibat) yang timbul daripada atau terjadi akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan dan/atau kesamaan Peserta berkaitan dengan Peraduan atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Pihak Penganjur, pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berkenaan dengan apa-apa kehilangan atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung atau akibat, atau kecederaan peribadi yang dialami oleh peserta yang timbul akibat atau berkaitan dengan penyertaan oleh Peserta di dalam Peraduan, serta penebusan dan/atau penggunaan hadiah yang dimenangi.

11. Umum

11.1 Pihak Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakil tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana kewajiban mereka berkenaan dengan Peraduan dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat melakukannya disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Peserta dalam apa-apa cara dalam keadaan seperti ini.

11.2 Sebarang nama, tanda dagang atau logo yang digunakan dan atau diterbitkan semula dalam sebarang bahan (termasuk bahan pemasaran dan peraduan) yang berkaitan dengan Peraduan ini, khususnya berkaitan dengan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak bersekutu, disokong atau ditaja oleh, pemilik yang berkenaan, kecuali diberitahu sebaliknya, dan pemilik tersebut bukan sebahagian daripada kumpulan syarikat Penganjur.

11.3 Para Peserta tidak berhak untuk memberi hak atau subkontrak mana-mana tanggungjawab di sini. Pihak Penganjur berhak untuk memberikan atau melesenkan keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya disini kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Penganjur.

11.4 Ketidaksahan atau ketidaklaksanaan sebarang syarat di sini tidak akan menjas atau menghalang kelanjutan pelaksanaan baki Terma dan Syarat Peraduan ini.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan bahasa lain, sekiranya terdapat percanggahan antara Bahasa Inggeris dengan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan digunakan dan mengatur dalam semua aspek.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah ditafsir, ditadbir dan diterjemahkan dengan mengikut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

12.1 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini ,anda bersetuju untuk dan syarikat induknya, anak syarikat atau yang berkaitan seperti yang ditentukan dalam Akta Syarikat 2016 dan penyedia perkhimatan, ejen dan kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (Kuasa Pihak Ketiga) (secara kolektif “penganjur”, “kita”, “kami” atau “kita”) untuk memproses maklumat peribadi anda yang telah disediakan dalam Borang Peraduan tujuan **Peraduan**. Ini termasuk mededahkan nama anda kepada masyarakat umum pada masa anda menjadi pemenang peraduan ini atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar dan maklumat peribadi anda yang lain tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

12.2 Pihak penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan menhubungi dan menghantar maklumat atau bahan pemasaran dan peraduan kepada anda mengenai produk, perkhimatan, sampel, sebarang peraduan, acara atau peraduan yang dianjurkan oleh Pihak Penganjur.

12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mededahkan maklumat peribadi orang yang anda ingin rujuk kepada Pihak Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapat

persetujuan dari orang itu untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

12.4 Berkenaan individu bawah umur atau individu yang tidak sah dari segi undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak untuk mereka dan, untuk memberi persetujuan bagi pihak mereka untuk memproses maklumat peribadi mereka bersesuaian dengan notis privasi ini.

12.5 Ada kalanya Pihak Pengajur mungkin akan mengekalkan Kuasa Pihak Ketiga untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Kuasa Pihak Ketiga tersebut terikat secara kontrak untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan maklumat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dengan cara lain selain daripada yang dinyatakan di sini.

12.6 Pengajur adalah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindah merentasi sempadan. Pihak Pengajur akan memastikan bahawa negara di mana data anda dipindahkan memiliki undang- undang perlindungan maklumat yang serupa atau setara.

12.7 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang berkenaan, anda berhak untuk meminta akses, meminta salinan, meminta untuk megesmas kini atau membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami.

Semua permintaan tulisan anda atau pertanyaan harus ditujukan kepada:

Kontak: Pegawai Perlindungan Data Peribadi

- Borang Laman Web: malaysia_consumer@campbellsoup.com; atau
- Hubungi kami: +603- 7787 6228

12.8 Pihak Pengajur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Peraduan ini. Kami tidak dapat memproseskan permohonan anda tanpa maklumat tersebut.